

TERMA & SYARAT PERKHIDMATAN DBKK iBERSIH

Dengan menggunakan perkhidmatan DBKK iBERSIH melalui Aplikasi Sabah Smart Parking (SSP), pengguna dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat berikut:

1. JENIS SISA YANG DIBENARKAN

- 1.1 Perkhidmatan ini hanya melibatkan pelupusan sisa kebun/taman seperti rumput, daun dan ranting, serta sisa pukal seperti sofa, meja, kabinet, almari, mesin basuh, peti sejuk, penghawa dingin, televisyen, katil, tilam, kerusi, tayar, sisa elektronik dan barangan besar lain.
- 1.2 Sisa binaan (renovation), sisa berbahaya, bangkai haiwan, najis haiwan, sisa makanan dan sisa domestik harian **tidak dibenarkan** untuk dilupuskan melalui perkhidmatan ini.

2. KAWASAN PERKHIDMATAN

- 2.1 Perkhidmatan DBKK iBERSIH adalah khusus untuk taman-taman perumahan di seluruh Bandaraya Kota Kinabalu sahaja.

3. TEMPAHAN DAN PENDAFTARAN

- 3.1 Semua tempahan hendaklah dibuat dalam DBKK iBERSIH melalui Aplikasi SSP.

4. BAYARAN PERKHIDMATAN

- 4.1 Nilai pembelian minimum ialah RM1 (Ringgit Malaysia 1) bagi setiap transaksi.
- 4.2 Semua pembayaran hendaklah dibuat melalui prepaid credit wallet dalam Aplikasi SSP.

5. TAMBAH NILAI (TOP UP) KREDIT APLIKASI SSP

- 5.1 Pengguna perlu menambah nilai kredit melalui menu “Credit” menggunakan:
 - (i) FPX (Online Banking)
 - (ii) Kad kredit / Kad Debit
 - (iii) e-Wallet

6. PENGEMBALIAN WANG (REFUND)

- 6.1 Semua pembayaran yang telah dibuat adalah **muktamad dan tidak boleh dikembalikan**.
- 6.2 Sebarang pertikaian caj (seperti lokasi di luar kawasan DBKK, kesilapan jumlah atau kategori rumah yang tidak termasuk) mestilah dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh **14 hari dari tarikh pembayaran**.

TERMA & SYARAT PERKHIDMATAN DBKK iBERSIH

7. PENGUTIPAN SISA

- 7.1 Semua sisa akan dikutip dalam tempoh **7 hari bekerja** selepas tempahan dibuat.
- 7.2 Sisa hendaklah diletakkan di bahagian hadapan rumah, berhampiran laluan lori, disusun kemas dan mudah dilihat.
- 7.3 DBKK hanya akan mengutip jumlah unit yang telah dibayar; sebarang sisa tambahan memerlukan tempahan baharu.

8. SEMAKAN STATUS TEMPAHAN

- 8.1 Pengguna hendaklah membuat semakan status tempahan dalam DBKK iBERSIH melalui Aplikasi SSP.

9. CAJ TAMBAHAN

- 9.1 Pengguna hendaklah mematuhi semua peraturan perkhidmatan termasuk keperluan memuat naik gambar sisa yang jelas, memilih unit bayaran yang betul dan memastikan sisa diletakkan di lokasi yang sesuai.

10. ISU DAN PERTANYAAN LANJUT

- Pengguna hendaklah menghubungi:
 - (i) Hotline DBKK: 012-222 0220
 - (ii) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSP) DBKK: 017-827 2217